

2 Prestasi Ekonomi dan Kerjasama Antarabangsa

LAPORAN EKONOMI 2012/2013





Prestasi Ekonomi dan Kerjasama Antarabangsa

Tinjauan

Pertumbuhan global yang sederhana

Momentum pertumbuhan ekonomi global meningkat secara beransur dalam tempoh suku pertama 2012. Prestasi ekonomi yang lebih kukuh di luar jangkaan ini disumbang sebahagiannya oleh kurangnya tekanan kewangan dan keyakinan pelabur di kawasan euro yang bertambah baik, berikutan beberapa tindakan dasar yang telah diambil oleh ketua-ketua negara Kesatuan Eropah (EU). Program bantuan kewangan kedua kepada Greece dan penyelesaian pelan penstrukturan semula hutangnya; pemantapan kapasiti gabungan memberi pinjaman *European Financial Stability Facility* (EFSF) dan *European Stability Mechanism* (ESM); dan suntikan dana tambahan European Central Bank (ECB) bagi menampung operasi pembiayaan semula jangka panjang telah meredakan tekanan pasaran kewangan. Di samping itu, peningkatan perbelanjaan penggunaan yang disokong oleh keadaan pekerjaan dan syarat kredit yang semakin baik di Amerika Syarikat (AS) telah menyumbang kepada pertumbuhan global yang sederhana. Sementara itu, di Asia, ekonomi Jepun kembali pulih dengan ketara didorong oleh permintaan domestik yang kukuh. Penyambungan semula rantai bekalan yang terjejas akibat banjir di Thailand telah mendorong pengeluaran perindustrian yang lebih tinggi di Asia.

Aktiviti ekonomi global, walau bagaimanapun telah berkembang lebih sederhana dalam tempoh suku kedua 2012. Kesan kestabilan daripada tindakan dasar yang telah diambil di kawasan euro bersifat sementara sahaja, dan krisis yang semakin meningkat disebabkan oleh masalah politik, sektor perbankan dan hutang berdaulat yang semakin meruncing. Di AS, pertumbuhan pekerjaan adalah perlahan dan kadar pengangguran kekal tinggi.

Pasaran membangun yang berkembang pesat, termasuk Brazil, China, dan India yang terjejas oleh persekitaran luar yang semakin lemah dan permintaan domestik yang semakin berkurangan akibat kekangan kapasiti dan dasar lebih ketat yang dilaksanakan pada tahun 2011.

Tinjauan dalam tempoh separuh kedua 2012 mendapati ekonomi global adalah masih mencabar. Aktiviti pembuatan bagi ekonomi utama telah menunjukkan trend penurunan seperti yang

JADUAL 2.1

Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Benar bagi Negara Terpilih 2011 – 2013

		Perubahan (%)	
	2011	2012 ¹	2013 ²
Dunia	3.9	3.5	3.9
Negara maju	1.6	1.4	1.9
Amerika Syarikat	1.8	2.0	2.3
Kawasan euro	1.4	-0.6 – -0.2	-0.4 – 1.4
Jepun	-0.8	2.4	1.5
Negara membangun yang berkembang pesat dan negara membangun	6.2	5.6	5.9
China	9.3	7.5	8.5
Republik Korea	3.6	3.0	3.8
India	7.1	6.1	6.5
ASEAN			
Singapura	4.9	1.5 – 2.5	3.9
Thailand	0.1	5.2 – 6.2	7.5
Indonesia	6.5	6.5	6.6
Filipina	3.9	5.0 – 6.0	4.7
Vietnam	5.9	6.0	6.3
Malaysia	5.1	4.5 – 5.0	4.5 – 5.5

¹ Anggaran.

² Unjuran.

Sumber: International Monetary Fund, Asian Development Bank dan pihak berkuasa negara.



ditunjukkan oleh indeks pengurus pembelian (PMI) pembuatan. PMI pembuatan bagi AS, Jepun, kawasan euro dan Republik Korea (ROK) kekal di bawah paras 50 mata pada bulan Julai dan Ogos, sementara indeks rasmi pembuatan China turun kepada 49.2 mata pada bulan Ogos buat kali pertama pada tahun 2012. Selain itu, keyakinan global terus terjejas meskipun persetujuan telah dicapai semasa sidang kemuncak EU pada akhir bulan Jun bagi menangani krisis kawasan euro, memandangkan butiran pelaksanaan mengenai langkah yang dicadangkan masih belum jelas.

Di AS, kebimbangan terhadap *fiscal cliff* dijangka memberi kesan kepada penggunaan dan pelaburan yang akan mengekalkan pertumbuhan pada trajektori yang lemah. Permintaan eksport yang lebih lemah dari kawasan euro dan AS dijangka menjejaskan prestasi perdagangan dan pertumbuhan eksport bagi ekonomi membangun yang berkembang pesat yang bergantung kepada eksport. Tambahan pula, peningkatan terkini harga makanan, terutamanya gandum, jagung dan kacang soya akibat kemarau di AS dan Rusia yang sekiranya berpanjangan, dijangka memberi kesan terhadap penggunaan dan meningkatkan kadar inflasi global.

Mengambil kira peningkatan kemudahjeasan yang mendatangkan risiko ke bawah yang ketara kepada pertumbuhan, ekonomi utama telah memulakan langkah rangsangan fiskal bagi menyokong aktiviti ekonomi. Sejak bulan Julai, bank pusat di Brazil, China, kawasan euro, ROK dan United Kingdom (UK) telah menurunkan kadar pinjaman dasar bagi menambah baik syarat kredit dan mudah tunai. Pada September 2012, Federal Reserve Board AS (the Fed) telah melancarkan kelonggaran kuantitatif (QE) pusingan ketiga. Langkah-langkah ini dan sokongan ECB serta negara utama kawasan euro untuk menyelesaikan krisis kawasan euro, termasuk program *Outright Monetary Transactions* (OMT) bagi pembelian tanpa had bon-bon kerajaan dijangka dapat mengurangkan ketidakpastian dan meningkatkan keyakinan pelabur.

Pada keseluruhannya, walaupun persekitaran adalah tidak menentu, International Monetary

Fund (IMF) dalam *World Economic Outlook* (WEO) *July 2012 Update* mengunjurkan pertumbuhan global berkembang 3.5% pada tahun 2012 (2011: 3.9%). Ekonomi membangun yang berkembang pesat dan ekonomi membangun akan terus menerajui pertumbuhan dengan perkembangan pesat sebanyak 5.6% (2011: 6.2%), manakala ekonomi maju kekal lembap pada 1.4% (2011: 1.6%) dibelenggu oleh kemelesetan ekonomi di kawasan euro yang lebih kecil. Walau bagaimanapun, penunjuk aktiviti ekonomi terkini menunjukkan kelembapan yang berterusan dalam tempoh suku ketiga dan risiko ke bawah terhadap pertumbuhan global semakin meningkat. Oleh itu, terdapat kemungkinan pertumbuhan dunia bagi tahun 2012 akan lebih rendah sedikit.

Prestasi Ekonomi Global

Asia terus memacu pertumbuhan

Ekonomi **AS** terus berkembang pada kadar yang sederhana sebanyak 2.4% dalam tempoh separuh pertama 2012 (Januari – Jun 2011: 1.9%). Pertumbuhan ini disokong terutamanya oleh peningkatan pelaburan swasta dan perbelanjaan pengguna yang sederhana. Pelaburan swasta berkembang dengan ketara pada kadar 12.9% (Januari – Jun 2011: 4.2%), dirangsang oleh pelaburan industri bukan kediaman sebanyak 11.2% dan kediaman sebanyak 9.9% (Januari – Jun 2011: 7.1%; -5.2%). Perbelanjaan pengguna pula meningkat pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 1.9% (Januari – Jun 2011: 2.9%) disebabkan oleh kelembapan penajaan peluang pekerjaan dalam tempoh suku kedua 2012. Kadar pengangguran kekal tinggi pada 8.2% (Januari – Ogos 2011: 9%). Penyusutan berterusan penggunaan dan pelaburan awam sebanyak 2.3% (Januari – Jun 2011: -2.8%) di semua peringkat kerajaan telah menjejaskan lagi pertumbuhan ekonomi AS.

Dari sudut penawaran, aktiviti pembuatan mengalami kemerosotan paras terendah sejak tahun 2009 seperti yang ditunjukkan oleh kejatuhan PMI pembuatan Institute for Supply Management kepada 52.2 mata peratusan dalam tempoh lapan



bulan pertama 2012 (Januari – Ogos 2011: 56.6 mata peratusan). Kemerosotan ini disebabkan terutamanya oleh penyusutan pesanan baharu dari Eropah dan kelembapan permintaan dari China. PMI bukan pembuatan turut merosot kepada 54.5 mata peratusan (Januari – Ogos 2011: 55.4 mata peratusan). Sementara itu, jualan runcit yang menyumbang lebih daripada dua per tiga kepada pertumbuhan ekonomi negara mencatat peningkatan sederhana 5.3% (Januari – Ogos 2011: 8.2%) memandangkan pengguna kini lebih berhati-hati dalam berbelanja. Industri perumahan bertambah baik dalam tempoh tujuh bulan pertama 2012. Penunjuk perumahan seperti unit mula dibina, permit pembinaan, dan jualan rumah baharu mencatat pertumbuhan dua angka sebanyak 25.4%, 26.2%, dan 20% (Januari – Julai 2011: -2.1%; -3.9%; -8.9%). Peningkatan tertinggi yang direkodkan sejak tahun 2010 ini disokong terutamanya oleh harga rumah yang stabil dan kadar faedah terendah yang pernah dicatatkan.

Sementara itu, inflasi mengalami trend penurunan daripada paras yang tertinggi iaitu 3.9% pada September 2011 kepada 1.7% pada Ogos 2012 berikutan harga komoditi yang lebih rendah dan kelemahan pasaran buruh yang tidak menggalakkan peningkatan upah. Memandangkan paras tekanan inflasi yang rendah dan keperluan untuk merangsang pertumbuhan ekonomi, the Fed telah komited untuk mengekalkan kadar dasar pada paras yang amat rendah antara 0.00% dan 0.25% bagi tempoh yang telah dilanjutkan sehingga pertengahan tahun 2015. Pada September 2012, the Fed telah melancarkan QE3 melalui program pembelian sekuriti gadai janji tanpa had untuk mendorong pemulihan ekonomi dan memperbaiki keadaan pasaran buruh. Program ini akan menyuntik tambahan USD40 bilion ke dalam ekonomi setiap bulan. Di samping itu, langkah potongan cukai pendapatan yang berakhir pada bulan Februari telah dilanjutkan sehingga Disember 2012 untuk terus menyokong pertumbuhan ekonomi. Walau bagaimanapun, krisis hutang berdaulat kawasan euro yang berlarutan dan kebimbangan mengenai *fiscal cliff*,

akibat langkah kenaikan cukai dan pemotongan perbelanjaan yang dijadualkan berkuat kuasa pada awal tahun 2013, dijangka memberi impak kepada momentum pertumbuhan ekonomi AS pada tahun 2012. Secara keseluruhan, ekonomi AS pada tahun ini dijangka berkembang pada kadar 2% (2011: 1.8%).

Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) di **kawasan euro** menguncup sedikit sebanyak 0.3% dalam tempoh separuh pertama 2012 (Januari – Jun 2011: 2%) disebabkan oleh krisis hutang kerajaan dan perbankan yang terus menjejaskan ekonomi. Pertumbuhan eksport yang lebih perlahan dan kadar pengangguran yang tinggi telah memberi kekangan terhadap perbelanjaan isi rumah yang memperlambatkan pertumbuhan. Pada bulan Julai, kadar pengangguran berada pada tahap 11.3%, iaitu kadar tertinggi sejak tahun 1995. Pada masa yang sama, pengurangan perbelanjaan kerajaan dan kenaikan cukai untuk membendung paras hutang yang tinggi turut memberi kesan terhadap perbelanjaan isi rumah. Penunjuk keyakinan pengguna menguncup ketara pada purata 20.7 mata (Januari – Ogos 2011: -11.8 mata), paras terendah dalam tempoh hampir tiga tahun. Aktiviti pembuatan juga mengalami penurunan ketara seperti yang ditunjukkan oleh Markit Eurozone Manufacturing PMI dengan catatan purata 46.3 mata (Januari – Ogos 2011: 54.7 mata). Penguncupan ini disebabkan sebahagian besarnya oleh kemerosotan ketara dalam output dan pesanan baharu. Paras inflasi telah meningkat kepada 2.6% (Ogos 2011: 2.5%) berikutan kenaikan harga tenaga yang termasuk bahan api, gas dan elektrik. ECB telah mengambil beberapa langkah untuk meringankan tekanan kewangan dan memulihkan keyakinan peniaga dan pengguna di rantau ini. Langkah ini termasuk suntikan sebanyak EUR489 bilion pada Disember 2011 dan EUR530 bilion pada Februari 2012 dalam operasi pembiayaan semula jangka panjang yang menawarkan pinjaman selama tiga tahun dengan kadar faedah yang amat rendah, serta OMT pada September 2012 yang membolehkan pembelian tanpa had bon berdaulat di negara-negara kawasan euro. Pada bulan Julai, kadar



JADUAL 2.2

**Kadar Inflasi bagi Negara Terpilih
2011 – 2012**

	Perubahan (%)	
	2011	2012 ¹
Dunia	4.4	4.0
Negara maju	2.7	2.0
Amerika Syarikat	3.2	2.1
Kawasan euro	2.7	2.0
Jepun	-0.3	0.0
Negara membangun yang berkembang pesat dan negara membangun	7.2	6.3
China	5.4	3.3
Republik Korea	4.0	3.4
India	8.6	8.2
ASEAN		
Singapura	5.2	3.5
Thailand	3.8	3.9
Indonesia	5.4	6.2
Filipina	4.8	3.4
Vietnam	18.7	12.6
Malaysia	3.2	2.0 – 2.5

¹ Unjuran.

Sumber: International Monetary Fund dan pihak berkuasa negara.

faedah bagi operasi pembiayaan semula telah dikurangkan kepada 0.75%, paras terendah dalam sejarah manakala kadar simpanan semalaman diturunkan kepada 0.00% untuk menggalakkan bank melabur dalam ekonomi benar dan memberi pinjaman kepada satu sama lain. Pada tahun 2012, ekonomi kawasan euro dijangka menguncup antara 0.6% dan 0.2% (2011: 1.4%).

Jerman mencatat pertumbuhan sederhana 1.1% (Januari – Jun 2011: 3.8%) didorong terutamanya oleh permintaan dalam negeri dan eksport yang kukuh. Pewujudan peluang pekerjaan adalah stabil dan kadar pengangguran bertambah baik kepada 5.5% (Julai 2011: 5.9%). Eksport berkembang perlahan 4.8% (Januari – Jun 2011: 14.6%) disebabkan oleh permintaan serantau yang lebih rendah, namun ia terus menyumbang kepada prestasi ekonomi yang positif. Kadar inflasi kekal

rendah pada 2.2% (Ogos 2011: 2.5%) disebabkan oleh penurunan harga perkhidmatan pendidikan dan komunikasi. Ekonomi Jerman dijangka berkembang 0.7% pada tahun 2012 (2011: 3%) dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu dan tekanan kewangan akibat krisis di kawasan euro, serta permintaan luar yang semakin lemah.

Dalam tempoh separuh pertama 2012, **Perancis** mencatat pertumbuhan kecil 0.3% (Januari – Jun 2011: 1.9%) disokong oleh aktiviti pelaburan dan eksport. Sektor perkhidmatan mencatat pertumbuhan sederhana disumbang oleh perkhidmatan komunikasi dan maklumat (4.1%), dan perkhidmatan perniagaan (3.3%) (Jun 2011: 1.4%; 7.1%), manakala output sektor pembuatan merosot 3.1% (Jun 2011: 3.8%), disebabkan terutamanya oleh pesanan terhadap kenderaan yang lebih rendah. Kadar pengangguran meningkat 10.3% (Julai 2011: 9.6%) berikutan penyusunan semula korporat dalam industri automobil dan perkhidmatan pengangkutan. Kadar inflasi kekal stabil pada 2.4% (Ogos 2011: 2.4%) kerana harga makanan yang lebih rendah mengimbangi harga tenaga dan perkhidmatan berkaitan pelancongan yang lebih tinggi. KDNK Perancis dijangka berkembang 0.5% pada tahun 2012 (2011: 1.7%).

Pertumbuhan merosot di beberapa ekonomi kawasan euro yang lebih kecil – **Greece** (-6.4%), **Itali** (-2%), **Portugal** (-2.8%), dan **Sepanyol** (-1%) (Januari – Jun 2011: -7.7%; 0.9%; -0.8%; 0.9%) berikutan isu hutang berdaulat dan masalah perbankan yang terus menjejaskan prestasi ekonomi negara-negara ini. Kekangan kewangan juga menyebabkan peningkatan kadar hasil bon kerajaan 10 tahun bagi ekonomi ini, serta menyebabkan kelemahan ketara dalam keyakinan pengguna dan perniagaan. Sepanyol mencatat kadar pengangguran tertinggi pada paras 25.1% (Julai 2011: 21.7%), disusuli oleh Greece, 23.1% (Mei 2011: 16.8%), Portugal, 15.7% (Julai 2011: 12.5%) dan Itali, 10.7% (Julai 2011: 8.2%). Pertumbuhan KDNK dijangka menguncup bagi Greece (-4.7%), Itali (-1.4%), Portugal (-3.3%), dan Sepanyol (-1.8%) pada tahun 2012 (2011: -6.9%; 0.4%; -1.7%; 0.4%).



KDNK **UK** menguncup sedikit, iaitu 0.4% dalam tempoh separuh pertama 2012 (Januari – Jun 2011: 1.1%) disebabkan sebahagian besarnya oleh kemerosotan sektor pembinaan dan pembuatan. Sektor pembinaan menyusut 6.3% (Januari – Jun 2011: 1.9%), iaitu penyusutan paling ketara sejak krisis kewangan global pada tahun 2009, disebabkan penurunan ketara dalam pembinaan projek kerajaan dan penyiapan projek pembinaan utama bagi sukan Olimpik. Sementara itu, output pembuatan menguncup 2% (Januari – Jun 2011: 3.2%) berikutan kekurangan permintaan bagi produk farmaseutikal, makanan, minuman, dan tembakau. Sektor perkhidmatan yang menyumbang melebihi tiga per empat daripada ekonomi, berkembang sederhana 0.9% (Januari – Jun 2011: 1.3%) disebabkan sebahagian besarnya oleh output yang lebih rendah bagi sektor perkhidmatan perniagaan dan kewangan. Kadar inflasi berada pada 2.5% (Ogos 2011: 4.5%) disebabkan kenaikan harga perkhidmatan pengangkutan, pakaian dan kasut. Memandangkan syarat kredit yang ketat dan konsolidasi fiskal, Bank of England telah meluluskan inisiatif kelonggaran kuantitatif ketiga sebanyak GBP50 bilion pada bulan Julai untuk merangsang pertumbuhan ekonomi. Ekonomi UK dijangka berkembang perlahan 0.5% pada tahun 2012 (2011: 0.8%).

Ekonomi **Jepun** kembali pulih 3% dalam tempoh separuh pertama 2012 (Januari – Jun 2011: -1%) disokong oleh permintaan domestik yang kukuh. Penggunaan swasta berkembang dengan kadar yang lebih pesat pada 3.5% disebabkan oleh peningkatan perbelanjaan isi rumah sebanyak 3.5% berikutan pendapatan isi rumah yang lebih tinggi, jangkaan harga komoditi global yang lebih rendah dan keuntungan korporat lebih baik yang menyediakan lebih peluang pekerjaan. Sementara itu, pelaburan awam melonjak 6.8% disebabkan perbelanjaan berterusan bagi usaha pembinaan semula pasca tsunami. Eksport meningkat 4.7% (Januari – Jun 2011: 8%), berikutan permintaan yang lebih tinggi dari pasaran AS meskipun terdapat pengukuhan nilai yen.

Dari sudut penawaran, pertumbuhan dipacu sebahagian besarnya oleh sektor perkhidmatan.

Subsektor borong dan runcit kembali positif sebanyak 0.4% (Januari – Jun 2011: -2.3%) disebabkan terutamanya oleh peningkatan jualan makanan dan minuman, serta kenderaan bermotor berikutan pengenalan semula insentif kerajaan untuk pembelian kenderaan jimat tenaga. Sektor pembuatan juga berkembang seperti ditunjukkan dalam indeks pengeluaran perindustrian bagi kenderaan bermotor, jentera perindustrian dan pengeluaran makanan. Perkembangan ini juga ditunjukkan oleh peningkatan PMI pembuatan dengan purata 50.6 mata (Januari – Jun 2011: 49.7 mata). Kadar pengangguran turun kepada 4.3% (Julai 2011: 4.7%) berikutan pengambilan semula pekerja oleh syarikat dalam sektor pembuatan, pengangkutan serta subsektor perubatan dan kebajikan, selepas pulih daripada bencana akibat gempa bumi.

Jepun mengalami inflasi sebanyak 0.3% dalam tempoh separuh pertama 2012. Walau bagaimanapun, Indeks Harga Pengguna (IHP) turun 0.4% (Julai 2011: 0.2%) berikutan harga yang lebih rendah untuk perumahan, pengangkutan dan komunikasi, serta perabot dan barangan isi rumah. Bank of Japan (BOJ) meneruskan dasar kewangan yang akomodatif dengan mengekalkan kadar dasarnya antara 0.00% dan 0.10% bagi memampankan pertumbuhan ekonomi. Selain itu, BOJ sedang melaksanakan program pembelian aset yang berjumlah JPY70 trilion bagi tempoh Julai 2012 hingga Jun 2013. Program ini termasuk pembelian bon kerajaan dan korporat Jepun serta ekuiti bagi meningkatkan harga aset tersebut. Ekonomi Jepun dijangka berkembang 2.4% pada tahun 2012 (2011: -0.8%) disumbang terutamanya oleh permintaan domestik yang kukuh.

KDNK **China** mencatat pertumbuhan yang lebih perlahan sebanyak 7.8% dalam tempoh separuh pertama 2012 (Januari – Jun 2011: 9.6%) berikutan permintaan luar yang lebih lemah. Pertumbuhan eksport sederhana, iaitu 9.2% (Januari – Jun 2011: 24%) disebabkan oleh permintaan yang berkurangan, terutamanya dari EU. Secara keseluruhannya, pertumbuhan terus dipacu oleh permintaan domestik walaupun pada kadar yang perlahan. Penggunaan swasta meningkat pada



kadar sederhana meskipun pendapatan per kapita isi rumah di bandar dan luar bandar meningkat 13.3% dan 16.1% (Januari – Jun 2011: 13.2%, 20.4%). Indeks keyakinan pengguna turun 1.9% kepada purata 102.6 mata (Januari – Jun 2011: 104.6 mata). Pelaburan aset tetap, walau bagaimanapun meningkat 20.4% (Januari – Jun 2011: 25.6%) disebabkan terutamanya oleh pelaksanaan rancangan perumahan kos rendah kerajaan. Pelaburan swasta bagi hartanah juga berkembang 16.6% (Januari – Jun 2011: 32.9%) disumbang sebahagian besarnya oleh permintaan yang kukuh bagi unit kediaman.

Pertumbuhan sektor pembuatan adalah sederhana seperti ditunjukkan oleh perkembangan kecil PMI pembuatan pada purata 51.4 mata (Januari – Jun 2011: 52.4 mata), berikutan pesanan luar negara yang lebih rendah. Jualan runcit berkembang pada kadar yang lebih perlahan, iaitu 14.4% (Januari – Jun 2011: 16.8%) berikutan jualan kenderaan bermotor yang rendah akibat sekatan kerajaan ke atas pembelian kereta bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas dan pencemaran. IHP telah berkurang kepada 2% (Ogos 2011: 6.2%), disebabkan kenaikan harga makanan yang semakin perlahan. People's Bank of China (PBOC) telah mengurangkan keperluan rizab berkanun institusi kewangan utama pada Februari dan Mei 2012 kepada 20%. PBOC telah menurunkan kadar dasar sebanyak dua kali sejak Januari kepada 6.00% pada bulan Julai bagi merangsang pertumbuhan dan pelaburan. Sebagai sebahagian daripada inisiatif untuk mengurangkan kesan kelembapan ekonomi, kerajaan juga telah meluluskan beberapa projek infrastruktur berskala besar. KDNK China dijangka berkembang 7.5% pada tahun 2012 (2011: 9.3%).

KDNK **ROK** berkembang lebih perlahan pada kadar 2.5% dalam tempoh separuh pertama 2012 (Januari – Jun 2011: 3.8%) berikutan eksport yang semakin perlahan akibat permintaan yang lebih rendah dari China dan EU. Pertumbuhan eksport merosot dengan ketara kepada 0.6% (Januari – Jun 2011: 23.7%) disebabkan sebahagian besarnya oleh permintaan yang lemah ke atas barangan semikonduktor dan keluli. Pertumbuhan penggunaan swasta sederhana pada 1.3%

(Januari – Jun 2011: 2.9%) disebabkan oleh perbelanjaan isi rumah yang lebih rendah seperti yang ditunjukkan oleh indeks sentimen pengguna yang jatuh secara purata kepada 101.5 mata (Januari – Jun 2011: 102.8 mata). Pelaburan swasta, terutamanya kemudahan pembuatan berkembang lebih perlahan pada 2.2% (Januari – Jun 2011: 8.9%).

Sementara itu, nilai tambah dalam sektor pembuatan adalah sederhana, iaitu 3.3% (Januari – Jun 2011: 8.6%) berikutan pengeluaran yang lebih rendah untuk produk logam dan jentera am seperti ditunjukkan oleh PMI pembuatan yang secara purata mencatat 50.7 mata (Januari – Jun 2011: 52.3 mata). Pertumbuhan subsektor perdagangan borong dan runcit adalah lebih sederhana, iaitu 3.1% (Januari – Jun 2011: 7%) berikutan permintaan domestik yang semakin lemah. Keadaan ini berpunca daripada tindakan pengguna mengehadkan perbelanjaan berikutan kebimbangan ke atas pertumbuhan ekonomi yang perlahan. Kadar pengangguran berada pada paras yang stabil, iaitu 3.1% (Julai 2011: 3.3%) susulan daripada peluang pekerjaan yang lebih tinggi dalam perkhidmatan kesihatan, kebajikan sosial, dan pendidikan. IHP turun kepada 1.2% (Ogos 2011: 4.7%) disebabkan terutamanya oleh harga makanan dan minuman bukan alkohol, perumahan, serta utiliti dan pengangkutan yang lebih rendah. Kerajaan telah memperkenalkan dua pakej rangsangan dalam tempoh dua bulan iaitu pada bulan Jun yang berjumlah USD7 bilion dan pada bulan September yang berjumlah USD5.2 bilion, bagi menjana perbelanjaan pengguna. Pakej ini termasuk pengurangan cukai bagi pendapatan individu; pembelian rumah; dan jualan tempatan ke atas kenderaan dan perkakasan elektronik yang besar. Dalam pada itu, Bank of Korea menurunkan kadar dasar daripada 3.25% kepada 3.00% pada bulan Julai untuk kali pertama dalam tempoh 13 bulan bagi mengekalkan permintaan dalam negeri. Pertumbuhan ROK bagi tahun 2012 dijangka berkembang sederhana 3% (2011: 3.6%).

Pertumbuhan KDNK **India** berkembang lebih perlahan pada kadar 5.4% dalam tempoh separuh pertama 2012 (Januari – Jun 2011: 8.6%)



disebabkan terutamanya oleh aktiviti pelaburan yang lemah serta pengeluaran perindustrian dan hasil pertanian yang lebih rendah. Kadar faedah yang tinggi dan tarikh pelaksanaan peraturan percukaian yang dibelakangkan, turut memberi kesan kepada sentimen pelabur. Pengeluaran industri terjejas akibat kekangan infrastruktur; kekurangan bekalan tenaga; dan kekurangan tenaga kerja mahir. Walau bagaimanapun, ekonomi India telah mendapat manfaat daripada pertumbuhan kukuh subsektor perkhidmatan pembiayaan, insurans, hartanah, dan perniagaan sebanyak 10.4% (Januari – Jun 2011: 9.7%). Inflasi yang diukur oleh indeks harga borong susut sedikit dalam tempoh suku pertama 2012 kepada 7.4% daripada purata 9.5% pada tahun 2011. Keadaan ini telah mendorong Reserve Bank of India (RBI) menurunkan kadar dasar utama sebanyak 50 mata asas kepada 8.00% pada April 2012, penurunan pertama dalam tempoh tiga tahun. Walau bagaimanapun, inflasi meningkat 7.5% dalam tempoh suku kedua 2012. Tekanan utama inflasi adalah kenaikan harga makanan, kejatuhan nilai mata wang rupee, dan defisit fiskal yang berterusan.

Pada September 2012, kerajaan telah mengumumkan liberalisasi ke atas pelaburan langsung asing (FDI) dalam perdagangan runcit, dan perkhidmatan penerbangan dan penyiaran untuk merangsang pertumbuhan pelaburan. Selain itu, RBI telah mengurangkan nisbah rizab tunai sebanyak 25 mata asas kepada 4.50% bagi meningkatkan mudah tunai sistem perbankan. India dijangka mencatat pertumbuhan yang lebih perlahan 6.1% pada tahun 2012 (2011: 7.1%) sebahagiannya disebabkan oleh aktiviti pelaburan yang perlahan dan penurunan permintaan luar. Hujan yang tidak mencukupi berikutan kelewatan ketibaan Monsun Barat Daya pada bulan Jun juga dijangka mengurangkan pengeluaran pertanian dan memberi kesan negatif terhadap pertumbuhan ekonomi India.

Ekonomi **Australia** pulih daripada kesan banjir terburuk pada akhir tahun 2010 dan awal tahun 2011 dengan KDNK mencatat perkembangan yang kukuh sebanyak 4% dalam tempoh separuh pertama 2012 (Januari – Jun 2011: 1.5%). Pertumbuhan ini disokong terutamanya

oleh pelaburan yang kukuh dalam sektor perlombongan dan penggunaan isi rumah yang lebih tinggi. Peningkatan penggunaan isi rumah disumbang oleh pemberian diskaun yang tinggi bagi barangan runcit dalam tempoh suku pertama 2012 dan pembayaran kerajaan kepada isi rumah dalam tempoh suku kedua 2012. Industri perlombongan; perkhidmatan kewangan dan insurans; serta perkhidmatan profesional, saintifik, dan teknik merupakan penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi. Kadar pengangguran kekal rendah sekitar 5% sejak tahun 2010 disebabkan terutamanya oleh pewujudan pekerjaan dalam industri perlombongan. Inflasi susut kepada 1.4% (Januari – Jun 2011: 3.5%) disebabkan oleh penurunan harga minyak global, harga rumah yang lebih rendah, dan kenaikan kadar pertukaran nilai mata wang. Pertumbuhan keseluruhan bagi tahun 2012 dijangka pada 3% (2011: 2%).

KDNK **New Zealand** dijangka berkembang 2.3% pada tahun 2012 (2011: 1.4%), didorong terutamanya oleh penggunaan swasta dan pelaburan tetap. Penggunaan swasta dijangka berkembang sederhana memandangkan isi rumah masih berhati-hati dan memberi tumpuan kepada simpanan dan pembayaran balik hutang. Pelaburan tetap dijangka meningkat terutamanya bagi projek pembinaan semula pasca gempa bumi. Inflasi dijangka kekal rendah pada 1.2% (2011: 4%) disebabkan oleh penurunan harga komoditi global. Reserve Bank of New Zealand telah mengekalkan kadar dasar utama pada 2.50% sejak Mac 2011, sebagai sebahagian daripada usaha untuk meningkatkan keyakinan selepas gempa bumi pada bulan Februari 2011.

Ekonomi Association of Southeast Asian Nations (ASEAN) kekal mampan dalam tempoh separuh pertama 2012 disokong oleh permintaan domestik yang kukuh walaupun eksport lebih perlahan. KDNK **Indonesia** berkembang 6.3% (Januari – Jun 2011: 6.5%), didorong terutamanya oleh pelaburan dan perbelanjaan kerajaan yang kukuh. Pelaburan modal meningkat 11.2%, disumbang sebahagian besarnya oleh perbelanjaan ke atas peralatan pengangkutan yang diimport, manakala penggunaan awam meningkat 6.5%. Dari sudut penawaran, pertumbuhan didorong terutamanya



oleh subsektor pengangkutan dan komunikasi yang mencatat pertumbuhan dua angka sebanyak 10.2%. Kadar inflasi berada pada paras 4.6% (Ogos 2011: 4.8%) terutamanya disebabkan oleh kenaikan harga makanan asas. Bank Indonesia telah mengekalkan kadar dasar pada 5.75% sejak Februari 2012 bagi menyokong pertumbuhan ekonomi. Pada tahun 2012, ekonomi dijangka berkembang 6.5% (2011: 6.5%).

Ekonomi **Filipina** berkembang lebih pantas sebanyak 6.1% (Januari – Jun 2011: 4.2%), disebabkan terutamanya oleh peningkatan perbelanjaan kerajaan bagi infrastruktur dan penggunaan isi rumah yang cergas, yang meningkat 13.7% dan 6.1%. Inflasi berkurang kepada 3.8% (Ogos 2011: 4.7%) disebabkan terutamanya oleh harga minyak yang lebih rendah. Pada Julai 2012, Bangko Sentral ng Pilipinas mengurangkan kadar dasar sebanyak 25 mata asas kepada 3.75% bagi mengekalkan pertumbuhan ekonomi. Kenaikan penarafan kredit Filipina kepada BB+ oleh Standard & Poor's pada bulan Julai, iaitu kenaikan tertinggi sejak 2003, mencerminkan kedudukan fiskal yang bertambah baik, pertumbuhan kiriman wang yang mampan dan kedudukan luar yang bertambah kukuh. Pada tahun 2012, pertumbuhan ekonomi dijangka meningkat antara 5% dan 6% (2011: 3.9%).

KDNK **Thailand** berkembang 2.2% (Januari – Jun 2011: 3%), dipacu terutamanya oleh penggunaan domestik yang kukuh. Penggunaan swasta meningkat 4.1% berikutan program pemulihan pasca banjir dan dasar sokongan pendapatan oleh kerajaan yang telah membantu meningkatkan keyakinan pengguna. Pelaburan swasta meningkat 10.5% disebabkan terutamanya oleh import yang lebih tinggi bagi mesin dan peralatan untuk memperbaiki kilang, serta kerancangan projek pembinaan pasca banjir. Inflasi semakin turun kepada 2.7% (Ogos 2011: 4.3%), mencerminkan peningkatan yang lebih perlahan dalam harga produk pengguna. Bank of Thailand telah mengekalkan kadar dasar pada 3.00% sejak Januari 2012 bagi menyokong pemulihan ekonomi. Pada tahun 2012, KDNK Thailand dijangka berkembang kukuh antara 5.2% dan 6.2% (2011: 0.1%).

Pertumbuhan KDNK **Singapura** meningkat secara sederhana 1.7% (Januari – Jun 2011: 5%), disebabkan terutamanya oleh output pembuatan dan aktiviti perkhidmatan yang lebih perlahan. Output pembuatan meningkat sederhana, iaitu 1.8% (Januari – Jun 2011: 3.9%) disumbang terutamanya oleh industri bioperubatan dan kejuruteraan pengangkutan. Subsektor perdagangan borong dan runcit menyusut 0.4% (Januari – Jun 2011: 3.4%) disebabkan terutamanya oleh jualan runcit yang perlahan. Inflasi meningkat dengan lebih perlahan pada kadar 4% (Julai 2011: 5.4%) berikutan trend penurunan kos perumahan dan pengangkutan. Monetary Authority of Singapore mengetatkan dasar monetari pada April 2012 bagi membendung inflasi melalui pengukuhan dolar Singapura. Pada tahun 2012, pertumbuhan ekonomi dijangka mencatat antara 1.5% dan 2.5% (2011: 4.9%).

KDNK **Vietnam** berkembang 4.4% (Januari – Jun 2011: 5.6%) disebabkan terutamanya oleh prestasi kukuh dalam sektor perkhidmatan, pembuatan, dan pembinaan. Inflasi berkurangan dengan ketara daripada paras tertinggi 23% pada Ogos 2011 kepada 5% pada Ogos 2012 disebabkan oleh langkah pengetatan dasar fiskal dan monetari, termasuk kenaikan kadar dasar sebanyak 600 mata asas kepada 15.00% pada tahun 2011. Seiring dengan inflasi yang semakin sederhana, State Bank of Vietnam mengurangkan kadar dasar 500 mata asas sejak Mac 2012 kepada 10.00% pada bulan Julai bagi merangsang pertumbuhan ekonomi. Pada tahun 2012, ekonomi Vietnam dijangka berkembang 6% (2011: 5.9%).

KDNK **Myanmar** dijangka mencatat pertumbuhan kukuh 6% (2011: 5.5%), disokong sebahagian besarnya oleh pelaburan asing dalam sektor tenaga serta eksport komoditi dan gas asli yang lebih tinggi. China dan Thailand merupakan dua pelabur terbesar di Myanmar dengan jumlah pelaburan keseluruhan sebanyak USD25 bilion. Pembaharuan politik dan ekonomi yang berterusan dijangka menarik penyertaan asing dalam perdagangan dan pelaburan. Kelonggaran sekatan ekonomi yang dikenakan oleh negara maju serta penyambungan semula bantuan dan



pembiayaan konsesi daripada institusi kewangan antarabangsa telah menyokong pemulihan ekonomi.

Pertumbuhan KDNK **Kemboja** dijangka berkembang 6.2% (2011: 6.1%) disebabkan terutamanya oleh peningkatan eksport barangan ke AS dan EU. Pertumbuhan ekonomi akan turut disokong oleh pertumbuhan sektor perkhidmatan berikutan perbelanjaan pelancong yang lebih tinggi. Pertumbuhan ekonomi di negara ASEAN yang lain, iaitu Brunei Darussalam dan Lao PDR dijangka kekal kukuh pada 3.2% dan 8.4% (2011: 1.9%; 8.3%).

Pertumbuhan di rantau **Middle East and North Africa (MENA)** dijangka berkembang 5.5% pada tahun 2012 (2011: 3.5%) hasil daripada pengeluaran minyak yang lebih tinggi, peningkatan permintaan domestik, dan aktiviti ekonomi yang kembali pulih di Libya. Ekonomi **negara pengeksport minyak**, termasuk Arab Saudi, Iraq, Kuwait dan Qatar dijangka berkembang 4.8% (2011: 4%). Pertumbuhan ekonomi Iraq dijangka terus kukuh pada kadar 11.1% (2011: 9.9%) dipacu terutamanya oleh pelaburan dalam projek minyak dan infrastruktur serta peningkatan dalam perbelanjaan modal kerajaan. Walau bagaimanapun, pertumbuhan ekonomi Qatar diramalkan kekal sederhana pada kadar 6% (2011: 18.8%) disebabkan oleh kadar pengeluaran minyak mentah dan gas asli semakin menyusut. Pertumbuhan ekonomi Kuwait dan Arab Saudi dijangka meningkat 6.6% dan 6% (2011: 8.2%; 6.8%) didorong oleh peningkatan pengeluaran minyak dan perbelanjaan kerajaan. Ekonomi Libya dijangka kembali pulih dengan ketara, iaitu 76.3% (2011: -61%) disebabkan oleh pengeluaran minyak yang lebih tinggi berikutan peningkatan permintaan dari EU. Libya juga dijangka mendapat manfaat daripada sekatan bekalan minyak yang dikenakan ke atas Iran dan Syria. Tambahan pula, mulai Mei 2012, beberapa syarikat minyak antarabangsa telah kembali beroperasi di Libya. Ekonomi Syria dijangka menguncup 8.1% (2011: -3.4%) kesan daripada ketegangan sosial dan politik yang berterusan sejak Mac 2011. Sementara itu, ekonomi **negara pengimport minyak**, termasuk Jordan, Lubnan, Mesir dan Tunisia

dijangka berkembang 2.2% (2011: 2%). Di Mesir dan Tunisia, pertumbuhan dijangka pada kadar 1.5% dan 2.2% (2011: 1.8%; -0.8%) disebabkan oleh peningkatan perbelanjaan kerajaan bagi subsidi dan pembayaran upah.

Ekonomi di rantau **Sub-Sahara Afrika** dijangka berkembang 5.4% pada tahun 2012 (2011: 5.2%) disokong oleh pengeluaran sumber asli baharu yang mula beroperasi terutamanya di Angola, Niger, dan Sierra Leone; pemulihan semula daripada kesan musim kemarau di timur Afrika; dan pemulihan kukuh pasca konflik di Côte d'Ivoire. Harga komoditi antarabangsa yang menggalakkan dan peningkatan kepelbagaian eksport ke pasaran Asia yang berkembang pesat turut menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi di rantau Sub-Sahara Afrika. Pertumbuhan di Afrika Selatan dijangka sederhana pada 2.7% (2011: 3.1%) disebabkan oleh eksport yang lebih lemah ke negara maju. Di Nigeria, pertumbuhan dijangka kekal stabil pada 7.1% (2011: 7.2%) disokong terutamanya oleh industri perkhidmatan, khususnya telekomunikasi. Ekonomi Angola dijangka berkembang 9.7% (2011: 3.4%) disebabkan terutamanya oleh pengeluaran minyak yang lebih tinggi selepas gangguan bekalan di medan pengeluaran minyak pada tahun 2011.

Pertumbuhan **Commonwealth of Independent States (CIS)** dijangka kekal stabil 4.1% pada tahun 2012 (2011: 4.9%) disokong terutamanya oleh pertumbuhan yang kukuh oleh negara pengeksport tenaga seperti Kazakhstan dan Rusia. Rusia dijangka mencatat pertumbuhan ekonomi yang stabil pada 4% (2011: 4.3%). Penggunaan domestik yang disokong oleh kenaikan upah benar dan pertumbuhan kredit yang kukuh merupakan pendorong utama kepada perkembangan ekonomi. Inflasi harga pengguna meningkat 5.9% pada bulan Ogos daripada 4.2% pada Januari 2012 didorong oleh tarif utiliti dan harga makanan yang lebih tinggi. Dalam usaha membendung kenaikan inflasi Russian Central Bank telah menaikkan kadar dasar kepada 8.25% pada bulan September 2012 selepas mengekalkannya pada 8.00% sejak Disember 2011. Sementara itu, kadar pengangguran turun 5.9% (Januari – Julai



2011: 7%) disebabkan oleh keadaan pasaran buruh yang lebih baik, berikutan kenaikan upah benar dan guna tenaga. Penyertaan penuh Rusia sebagai ahli yang ke-156 World Trade Organisation (WTO) pada Ogos 2012 dijangka memberi kesan positif ke atas ekonomi Rusia. Di Kazakhstan, pertumbuhan KDNK dijangka sederhana pada 5.9% (2011: 7.5%) disebabkan oleh pengeluaran industri yang lebih rendah terutamanya dalam sektor pembinaan dan perlombongan. Walau bagaimanapun, pelaburan kerajaan dalam projek pembangunan akan terus menyokong pertumbuhan.

Pada tahun 2012, pertumbuhan KDNK di rantau **Amerika Latin dan Caribbean** diunjur sederhana pada 3.4% (2011: 4.5%) disebabkan oleh dasar yang lebih ketat pada tahun 2011 dan kesan daripada faktor luaran yang lembap serta harga komoditi yang lebih rendah sejak Mei 2012. Aktiviti ekonomi di Brazil dijangka kekal lemah dengan KDNK meningkat pada kadar yang lebih perlahan 2.5% (2011: 2.7%) berikutan kemerosotan pelaburan dan keyakinan perniagaan serta kejatuhan jumlah dagangan. Kelemahan ini juga berpunca daripada penurunan berterusan dalam sektor pembuatan yang terjejas akibat struktur persaingan termasuk kekangan infrastruktur dan kekurangan tenaga kerja mahir. Sehubungan itu, indeks pengeluaran perindustrian menguncup 3.7% dalam tempoh tujuh bulan pertama 2012 (Januari – Julai 2011: 1.5%). Pada Ogos 2012, bagi mengatasi kekangan infrastruktur tersebut, Brazil telah memperkenalkan pakej rangsangan ekonomi berjumlah USD66 bilion untuk menggalakkan pelaburan infrastruktur terutamanya jalan raya dan landasan keretapi, dan untuk meningkatkan keyakinan pelabur. Kerajaan juga telah mengumumkan untuk menjual konsesi bagi beberapa projek pengangkutan awam. Cukai bagi kenderaan dan perkakasan rumah telah dikurangkan bagi merangsang penggunaan. Inflasi telah menyusut daripada kadar tertinggi 7.3% pada September 2011 kepada 5.2% pada Ogos 2012, melebihi sasaran 4.5% oleh Banco Central do Brasil. Bank pusat juga telah mengurangkan kadar dasar sebanyak 500 mata asas sejak Ogos 2011 kepada paras terendah 7.50% pada Ogos 2012, sebagai usaha

menyokong inisiatif rangsangan oleh kerajaan dalam pertumbuhan ekonomi yang semakin perlahan.

Pertumbuhan ekonomi Mexico pada tahun 2012 dijangka kekal stabil pada 3.9% (2011: 3.9%) disokong terutamanya oleh penggunaan swasta. Pertumbuhan pekerjaan yang kekal telah menyumbang kepada pendapatan boleh guna yang stabil. Inflasi meningkat kepada 4.4% pada Julai 2012 (Julai 2011: 3.6%) disebabkan oleh nilai mata wang peso yang semakin lemah dan peningkatan harga makanan terutamanya bijirin dan ternakan penyumbang utama kenaikan inflasi. Banco de Mexico komited untuk mengekalkan kadar dasar pada 4.50% sejak Julai 2009.

Aliran Pelaburan

FDI global meningkat di sebalik ketidaktentuan ekonomi

Aliran global FDI meningkat dengan ketara 16.4% kepada USD1.5 trilion pada tahun 2011 (2010: 1.9%; USD1.3 trilion). Walaupun wujud ketidaktentuan di negara maju, peningkatan ini disokong oleh keuntungan yang lebih tinggi daripada syarikat transnasional (TNC) dan pertumbuhan ekonomi yang agak tinggi di negara membangun. Jumlah pelaburan baharu kekal mendatar, namun masih menjadi penyumbang terbesar jumlah keseluruhan FDI (60%), manakala nilai penggabungan dan pengambilalihan (M&A) rentas sempadan pula meningkat ketara 53%. FDI dalam sektor utama dan perkhidmatan meningkat dengan ketara 46% dan 15%, penyumbang utama sebanyak 14% (2010: 11%) dan 40% (2010: 39%) kepada jumlah keseluruhan FDI. Nilai projek FDI dalam sektor pembuatan pula meningkat 7%, dengan sumbangan lebih rendah sebanyak 46% (2010: 50%).

Aliran masuk FDI pada tahun 2011 meningkat dalam semua kumpulan ekonomi utama. Aliran masuk ke negara maju meningkat 20.9% kepada USD747.9 bilion (2010: 2%; USD618.6 bilion) berikutan pemulihan aliran pelaburan yang kukuh



JADUAL 2.3

**Aliran Masuk FDI bagi Rantau dan
Ekonomi Utama Terpilih
2010 – 2011**

	USD bilion		Perubahan (%)
	2010	2011	
Dunia	1,309	1,524	16.4
5 penerima utama			
Amerika Syarikat	197.9	226.9	14.7
China	114.7	124.0	8.1
Belgium	81.2	89.1	9.7
Hong Kong, China	71.1	83.2	17.0
Brazil	48.5	66.7	37.5
Negara maju	618.6	747.9	20.9
Eropah	356.6	425.3	19.3
Kesatuan Eropah	318.3	420.7	32.2
Jepun	-1.3	-1.8	-38.5
Negara membangun	616.7	684.4	11.0
Asia dan Oceania	386.2	424.8	10.0
India	24.2	31.6	30.6
ASEAN	93.1	116.8	25.5
Singapura	48.6	64.0	31.7
Indonesia	13.8	18.9	37.0
Malaysia	9.1	12.0	32.0
Thailand	9.7	9.6	-1.0
Vietnam	8.0	7.4	-7.5
Ekonomi peralihan	73.8	92.2	25.0
Eropah Tenggara	4.0	6.7	67.5
Komanwel Negara Merdeka	69.0	84.5	22.5

Sumber: United Nations Conference on Trade and Development.

ke AS berjumlah USD226.9 bilion (2010: USD199.9 bilion), yang merupakan 30% (2010: 32%) daripada jumlah aliran masuk pelaburan ke negara maju. Aliran masuk ke EU pula melonjak sebanyak 32% kepada USD420.7 bilion (2010: -11%; USD318.3 bilion). Pemulihan kukuh ini disebabkan oleh penstrukturan semula institusi kewangan. Institusi kewangan EU terus menjual aset di luar negara bagi membayar semula pinjaman yang telah diterima semasa krisis kewangan, dan juga bagi mengukuhkan lagi modal asas untuk memenuhi sasaran lebih ketat yang ditetapkan oleh ECB.

Ekonomi membangun dan ekonomi peralihan terus menyumbang kepada lebih daripada separuh jumlah FDI global sebanyak 45% dan 6% bagi

tahun 2011. Jumlah aliran masuk ke kedua-dua ekonomi tersebut meningkat sebanyak 12% kepada USD776.6 bilion (2010: 17%; USD690.5 bilion). FDI ke ekonomi membangun meningkat 11% kepada USD684.4 bilion (2010: 19%; USD616.7 bilion), manakala FDI ke ekonomi peralihan meningkat 25% kepada USD92.2 bilion (2010: 2%; USD73.8 bilion).

Aliran masuk FDI ke rantau membangun di Asia Timur dan Asia Tenggara meningkat 14% kepada USD335.5 bilion (2010: 42%; USD294.1 bilion), menyumbang 22% (2010: 22%) kepada jumlah keseluruhan FDI global. Peningkatan ini dipacu oleh peluang pelaburan baharu dan kos pengeluaran yang lebih rendah. Aliran masuk ke Asia Timur meningkat 9% kepada USD219 bilion (2010: 26%; USD201.4 bilion) manakala FDI ke Asia Tenggara meningkat 26% kepada USD116.6 bilion (2010: 96%; USD92.8 bilion). Menurut *United Nations Conference on Trade and Development (UNCTAD) World Investment Report 2012*, menekankan empat ekonomi ASEAN, iaitu Brunei, Indonesia, Malaysia dan Singapura merekodkan peningkatan ketara dalam aliran masuk FDI bagi tahun 2011 berjumlah USD96 bilion (2010: USD72 bilion). Aliran FDI Malaysia meningkat 31.5% kepada USD12 bilion (2010: 526%; USD9.1 bilion). Kadar upah dan kos pengeluaran yang terus meningkat di China telah menyebabkan peningkatan daya saing relatif ASEAN dalam sektor pembuatan. Oleh itu, beberapa pelabur asing di kawasan persisiran China telah berpindah ke Asia Tenggara.

Aliran FDI ke China, penerima FDI terbesar dalam kalangan negara membangun, mencecah USD124 bilion pada tahun 2011 (2010: USD114.7 bilion). Buat kali pertama, aliran FDI ke sektor perkhidmatan mengatasi sektor pembuatan, berikutan peningkatan aliran masuk kepada sektor perkhidmatan bukan kewangan. Kenaikan kadar upah dan kos pengeluaran telah menyebabkan kelembapan aliran ke sektor pembuatan. FDI dalam sektor kewangan juga dijangka terus berkembang memandangkan China terus



membuka pasaran kewangannya dan mendorong peningkatan kemasukan pelaburan bank asing.

Aliran FDI ke Asia Selatan meningkat 23% kepada USD38.9 bilion pada tahun 2011 (2010: -25%; USD31.7 bilion). Perkembangan positif ini adalah disebabkan terutamanya oleh aliran masuk FDI yang tinggi berjumlah USD31.6 bilion (2010: USD24.2 bilion) ke India berikutan peningkatan ketara dalam pelaburan dari EU di sektor perlombongan. Aliran FDI ke Afrika berkurangan bagi tiga tahun berturut-turut kepada USD42.7 bilion pada tahun 2011 (2010: USD43.1 bilion). Pelaburan dalam M&A rentas sempadan dan pelaburan baharu oleh TNC mencatat kemerosotan. Penurunan FDI di rantau Afrika turut disebabkan sebahagian besarnya oleh aliran masuk yang berkurangan ke Afrika Utara, akibat pergolakan politik di Mesir dan Libya. Sebaliknya, FDI ke Sub-Sahara Afrika meningkat kepada USD37 bilion pada tahun 2011 (2010: USD29 bilion). Bagi keseluruhan tahun 2011, prospek pelaburan adalah memberangsangkan disebabkan oleh peningkatan FDI dalam perkhidmatan seperti perbankan, peruncitan, dan telekomunikasi walaupun terdapat penurunan dalam jumlah FDI ke Afrika.

Aliran keluar FDI dari negara maju meningkat mendadak sebanyak 25% kepada USD1.2 trilion pada tahun 2011 (2010: 15.4%; USD989.6 bilion). Walaupun ketiga-tiga blok pelabur ekonomi maju utama – Amerika Utara, EU, dan Jepun menyumbang kepada peningkatan ini, faktor yang mendorong peningkatan FDI adalah berbeza bagi setiap blok. FDI dari AS telah didorong oleh peningkatan ketara pendapatan yang dilabur semula (82% daripada jumlah aliran keluar FDI). Peningkatan dalam aliran keluar FDI dari EU pula adalah didorong oleh M&A rentas sempadan. Pengukuhan nilai yen telah meningkatkan kuasa beli TNC Jepun, menyebabkan peningkatan dua kali ganda aliran keluar FDI Jepun, dengan pembelian M&A di Amerika Utara dan Eropah meningkat 132%.

Aliran keluar FDI dari negara membangun merosot 4% kepada USD383.8 bilion pada

tahun 2011 (2010: 49%; USD400.1 bilion), walaupun syer negara membangun dalam jumlah keseluruhan aliran keluar FDI global kekal tinggi pada 23%. Aliran dari Asia Timur dan Asia Tenggara sebahagian besarnya tidak berubah pada USD240 bilion (2010: 38%; USD243 bilion). FDI dari Asia Timur mencatat penurunan 9% (2010: 38%) manakala aliran keluar FDI dari Asia Barat meningkat dengan ketara 54% kepada USD25.4 bilion (2010: 8%; USD16.5 bilion) berikutan peningkatan hasil minyak. Aliran keluar FDI dari Amerika Latin dan Caribbean masih tidak menentu dengan berkurangan 17% kepada USD99.7 bilion pada tahun 2011, setelah meningkat 121% pada tahun 2010. Ketidaktentuan ini adalah disebabkan oleh aliran dana yang besar (70%) ke pusat kewangan luar pesisir.

UNCTAD World Investment Report 2012 mengunjurkan pertumbuhan FDI yang lebih perlahan pada tahun 2012, dengan aliran mendatar sebanyak USD1.6 trilion (2011: USD1.5 trilion). Risiko kepada pertumbuhan FDI pada tahun 2012 termasuk kerapuhan ekonomi maju, ketidaktentuan dalam persekitaran perniagaan, dan pertumbuhan yang lebih rendah bagi ekonomi membangun yang berkembang pesat yang utama. Namun begitu, unjuran jangka panjang menunjukkan peningkatan sederhana tetapi stabil, dengan FDI global mencecah USD1.8 trilion pada tahun 2013 dan USD1.9 trilion pada tahun 2014, jika tiada sebarang kejutan makroekonomi.

Aliran Perdagangan

Aliran perdagangan terus perlahan

Jumlah perdagangan global diunjur berkembang lebih perlahan pada kadar 3.8% pada tahun 2012 (2011: 5.9%). Aliran perdagangan terus lembap pada tahun 2012 disebabkan oleh permintaan yang semakin berkurangan daripada negara maju berikutan kemelesetan ekonomi di kawasan euro dan pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan di AS. Keadaan ini akan menjejaskan negara membangun yang berkembang pesat dan negara membangun, dan menyebabkan



JADUAL 2.4

**Eksport dan Import Negara Terpilih
Januari – Julai**

	Eksport			Import			Jumlah Perdagangan		
	USD bilion		Perubahan	USD bilion		Perubahan	USD bilion		Perubahan
	2011	2012	(%)	2011	2012	(%)	2011	2012	(%)
Amerika Syarikat ¹	1,211.2	1,278.4	5.5	1,535.5	1,608.0	4.7	2,746.7	2,886.4	5.1
Kawasan euro	1,305.6	1,420.0	8.8	1,332.9	1,366.6	2.5	2,638.5	2,786.6	5.6
Jepun	462.9	476.2	2.9	473.6	519.5	9.7	936.5	995.7	6.3
China ²	1,222.6	1,309.1	7.1	1,130.0	1,188.5	5.1	2,352.5	2,497.6	6.2
Singapura ²	272.3	273.2	0.3	244.5	253.7	3.8	516.7	526.9	2.0

¹ Termasuk barangan dan perkhidmatan sehingga akhir Julai.² Januari – Ogos.

Sumber: World Trade Organisation dan pihak berkuasa negara.

pertumbuhan eksport menjadi sederhana pada 5.7% (2011: 6.6%). Faktor penyumbang utama adalah penurunan harga komoditi dan kadar pertumbuhan yang lebih perlahan di China. Walau bagaimanapun, pertumbuhan import ke negara membangun yang berkembang pesat dan negara membangun dijangka kekal kukuh pada 7.8% (2011: 8.8%). Pertumbuhan eksport di negara maju dianggap berkembang lebih rendah pada 2.3% (2011: 5.4%), manakala pertumbuhan import dijangka perlahan pada 1.9% (2011: 4.4%).

Jumlah perdagangan **AS** berkembang 5.1% kepada USD2,886.4 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama 2012 (Januari – Julai 2011: 15.7%; USD2,746.7 bilion). Eksport meningkat 5.5% kepada USD1,278.4 bilion (Januari – Julai 2011: 16%; USD1,211.2 bilion), manakala import berkembang 4.7% kepada USD1,608 bilion (Januari – Julai 2011: 15.5%; USD1,535.5 bilion). Eksport utama terdiri daripada enjin dan alat ganti kenderaan bermotor, produk petroleum, penyediaan farmaseutikal, serta pesawat awam. Import merangkumi minyak mentah, jentera perindustrian, pakaian dan barangan isi rumah, serta komputer dan peralatannya. Jumlah defisit dagangan kekal tinggi pada USD329.7 bilion (Januari – Julai 2011: USD324.4 bilion). Destinasi utama eksport AS ialah Kanada dengan syer

sebanyak 19% daripada jumlah eksport diikuti oleh Mexico (13.9%), China (6.9%), Jepun (4.5%), UK (3.7%), dan Jerman (3.2%). Pada tahun 2012, eksport diunjur meningkat 4% (2011: 6.7%), manakala import berkembang 3% (2011: 4.9%).

Jumlah perdagangan bagi **kawasan euro** terus berkembang pada tahap yang amat perlahan, iaitu 5.6% kepada USD2,786.6 bilion (Januari – Julai 2011: 16.1%; USD2,638.5 bilion) disebabkan oleh krisis hutang berdaulat dan perbankan yang berlarutan. Rakan dagangan terbesar bagi kawasan euro ialah AS, Switzerland, Turki, dan UK. Eksport meningkat 8.8% kepada USD1,420 bilion (Januari – Julai 2011: 15.5%; USD1,305.6 bilion), terdiri terutamanya daripada jentera dan kenderaan, dan tenaga. Sementara itu, import meningkat 2.5% kepada USD1,366.6 bilion (Januari – Julai 2011: 16.8%; USD1,332.9 bilion) yang merangkumi tenaga dan bahan kimia. Pada tahun 2012, eksport diunjur berkembang 2.1%, manakala import menguncup 0.2%.

Jumlah perdagangan **Jepun** terus berkembang 6.3% kepada USD995.7 bilion (Januari – Julai 2011: 15.2%; USD936.5 bilion) berikutan pemulihan sepenuhnya rangkaian bekalan pembuatan dan peningkatan ketara import petroleum. Eksport



meningkat 2.9% kepada USD476.2 bilion (Januari – Julai 2011: 7.9%; USD462.9 bilion) berikutan eksport ke AS mengatasi kelembapan eksport ke China, EU, ROK dan Taiwan. Eksport utama ialah kenderaan bermotor, jentera elektrik, serta barangan pembuatan seperti produk besi, keluli, dan getah. Sementara itu, import meningkat 9.7% kepada USD519.5 bilion (Januari – Julai 2011: 23.4%; USD473.6 bilion), berikutan permintaan yang lebih tinggi bagi bahan api fosil untuk mengimbangi penjanaan tenaga nuklear yang lebih rendah. Peningkatan nilai yen berbanding dolar AS dan harga komoditi global yang lebih rendah turut menyumbang kepada import yang lebih tinggi. Dari segi arah perdagangan, China kekal sebagai pasaran utama Jepun dengan syer 19.4%, diikuti oleh ASEAN (15.4%), AS (12.8%), dan EU (9.8%). Eksport barangan dan perkhidmatan Jepun diunjur meningkat 3.1% manakala import dijangka meningkat 7.4% pada tahun 2012.

Jumlah perdagangan **China** berkembang lebih perlahan, iaitu 6.2% kepada USD2,497.6 bilion (Januari – Ogos 2011: 25.4%; USD2,352.5 bilion) berikutan permintaan yang lebih lemah dari pasaran eksport utama, peningkatan kos buruh, dan penggunaan swasta yang lebih perlahan. Jumlah eksport lebih sederhana, iaitu 7.1% kepada USD1,309.1 bilion (Januari – Ogos 2011: 23.6%; USD1,222.6 bilion) manakala jumlah import meningkat 5.1% ke paras USD1,188.5 bilion (Januari – Ogos 2011: 27.5%; USD1,130 bilion). Eksport utama termasuk produk mekanik dan elektrik, produk berteknologi tinggi seperti peralatan aeroangkasa dan saintifik, mesin pemprosesan data automatik, tekstil dan pakaian, serta telefon bimbit. Import termasuk produk mekanik dan elektrik, minyak petroleum mentah, bijih besi, dan kenderaan bermotor. Rakan dagangan utama China ialah EU (14.6%), dengan Jerman merupakan penyumbang terbesar sebanyak USD108.2 bilion, diikuti oleh AS (12.5%), ASEAN (10.1%), dan Jepun (8.8%). Dalam kalangan negara ASEAN, Malaysia merupakan rakan dagangan terbesar dengan syer 23.7% atau USD60 bilion diikuti oleh Thailand dengan syer 17.9% atau USD45.2 bilion.

Singapura mencatat peningkatan jumlah perdagangan sebanyak 2% kepada USD526.9 bilion (Januari – Ogos 2011: 20.7%; USD516.7 bilion) dengan eksport dan import meningkat 0.3%, dan 3.8% (Januari – Ogos 2011: 20.6%; 20.8%). Eksport utama termasuk produk petroleum ditapis, mesin elektrik dan bahan kimia manakala import meliputi mesin dan peralatan pengangkutan, minyak mentah, serta bahan kimia dan produk bahan kimia. Rakan dagangan utama Singapura ialah China, EU, Indonesia dan Malaysia. Pada tahun 2012, eksport diunjur berkembang 2.3%, manakala import 12.1%.

Kerjasama Ekonomi Antarabangsa

Respons dasar terselaras

Ketidaktentuan kewangan dan ekonomi global yang berlarutan memerlukan lebih banyak penyelarasan dasar dan tindakan bagi pencegahan dan penyelesaian krisis. Kerjasama antara rantau dan keputusan yang dibuat di peringkat global memainkan peranan penting dalam mengembalikan keyakinan pelabur dan memastikan kestabilan kewangan bagi mencapai pertumbuhan mampan. Selain meningkatkan jaringan keselamatan kewangan, kerjasama antarabangsa juga telah memperkenalkan pembaharuan kewangan dan fiskal bagi mencapai pemulihan global yang kukuh.

Institusi kewangan antarabangsa termasuk IMF dan World Bank Group (WBG), dan forum ekonomi seperti Group of Twenty (G20) memainkan peranan penting dalam membimbing negara anggota menghadapi cabaran akibat krisis kewangan. **IMF** telah mengambil pelbagai langkah pencegahan krisis dan resolusi untuk memulihkan pertumbuhan ekonomi global melalui pengukuhan kapasiti pemberian pinjaman serta meningkatkan pemantauan dan bantuan teknik. IMF telah meningkatkan sumber pinjamannya melalui pusingan baharu pinjaman dua hala. Sehingga Jun 2012, 37 negara anggota termasuk China, Itali, Jepun, Jerman dan Perancis telah



menyatakan komitmen dua hala sebanyak USD456 bilion. Malaysia komited untuk menyumbang USD1 bilion bagi fasiliti ini. Sumber kewangan tambahan ini bertindak sebagai pertahanan barisan kedua, yang hanya akan digunakan sekiranya had kredit sedia ada bagi pinjaman IMF jatuh di bawah paras SDR100 bilion.

Pada Mac 2012, IMF telah meluluskan pinjaman baharu berjumlah EUR28 bilion dengan pembayaran segera sebanyak EUR1.7 bilion kepada Greece di bawah *Extended Fund Facility* (EFF). Pinjaman ini bertujuan untuk mengembalikan daya saing dan pertumbuhan ekonomi, kemampunan fiskal serta kestabilan kewangan. Portugal juga menerima pembayaran keempat bernilai EUR1.5 bilion pada Julai 2012, di bawah aturan EFF selama tiga tahun berjumlah EUR29.3 bilion, menjadikan jumlah keseluruhan yang telah dikeluarkan adalah sebanyak EUR21.1 bilion. Sementara itu, IMF telah meluluskan pengagihan SDR700 juta (sebahagian daripada jumlah keuntungan SDR6.9 bilion yang diperoleh daripada jualan emas) kepada semua negara anggotanya. IMF menggalakkan semua negara anggota untuk mengembalikan jumlah yang diagihkan sebagai subsidi kepada *Poverty Reduction and Growth Trust* (PRGT), yang bertujuan untuk membantu negara berpendapatan rendah (LIC). Sehingga September 2012, 116 negara termasuk Malaysia, mewakili 84.6% daripada jumlah pengagihan yang dicadangkan telah bersetuju mengembalikan bahagian mereka untuk membantu LIC.

IMF telah bertindak balas terhadap krisis global dengan mengukuhkan keupayaan pemantauannya. Bagi tujuan tersebut, pada tahun 2012, IMF merancang untuk menjalankan *Financial Sector Assessment Program* (FSAP) di 18 buah negara termasuk Malaysia. Sementara itu, selaras dengan syor FSAP bagi Sepanyol baru-baru ini, Eurogroup (mesyuarat menteri kewangan kawasan euro) telah mengeluarkan EUR30 bilion pada Julai 2012 bagi mengukuhkan sektor perbankan Sepanyol. Selain itu, pada Julai 2012, Lembaga Eksekutif IMF telah meluluskan mekanisme baharu pemantauan dua hala dan

pelbagai hala. Melalui mekanisme ini, rundingan tahunan dua hala IMF akan menggabungkan pemantauan pelbagai hala bagi memastikan perlindungan terhadap limpahan daripada dasar negara anggota yang berkemungkinan memberi kesan kepada kestabilan global. Di samping itu, IMF telah memulakan *Pilot External Sector Report* bagi memperluas tumpuan pemantauan sektor luaran untuk merangkumi akaun semasa, akaun modal, pengumpulan rizab, kaedah aliran modal, serta aset dan liabiliti asing.

Dari segi bantuan teknik, IMF telah membuka Africa Regional Technical Assistance Centre yang keempat di Mauritius untuk memberi tumpuan bagi memperkukuh kapasiti kerajaan dan institusi Afrika dalam membentuk dan melaksanakan dasar makroekonomi yang kukuh. Pusat ini akan memberi perkhidmatan kepada 13 negara di seluruh selatan Afrika dan Lautan Hindi. Selain itu di Asia, IMF dengan kerjasama kerajaan Thailand telah membuka pejabat serantau yang baharu di Bangkok bagi menyokong bantuan teknik kepada Lao PDR dan Myanmar. Pejabat baharu ini dijangka memulakan operasi pada September 2012. IMF juga sedang membangunkan tiga *Topical Trust Funds* baharu dalam bidang strategi hutang yang mampan bagi LIC; pengukuhan kemahiran pengurusan makroekonomi pegawai kerajaan peringkat pertengahan dan atasan di Afrika; dan pemantauan kemudahan kewangan di negara yang berkembang pesat.

WBG terus berusaha ke arah mengurangkan kemiskinan global. Komitmen kewangan WBG berjumlah USD53 bilion pada tahun kewangan (FY) 2012 (FY2011: USD57.4 bilion). Komitmen ini disalurkan melalui agensi WBG termasuk International Bank for Reconstruction and Development (IBRD) berjumlah USD20.6 bilion dan International Development Association (IDA) berjumlah USD14.7 bilion. Sementara itu, International Finance Corporation (IFC) telah memberikan komitmen berjumlah lebih daripada USD15 bilion untuk inisiatif ke arah menggerakkan sektor swasta dalam mewujudkan pekerjaan,



menggalakkan inovasi, dan menangani cabaran pembangunan. IFC memberi tumpuan kepada negara dan rantau paling miskin terutamanya di Sub-Sahara Afrika, di mana pelaburannya meningkat kepada USD4 bilion. WBG juga telah mengeluarkan USD2.3 bilion dalam bentuk jaminan melalui Multilateral Investment Guarantee Agency (MIGA), agensi insurans risiko politiknya. Terbitan jaminan tersebut akan menyokong 51 projek di seluruh dunia.

Negara Anggota **ASEAN** terus mencapai kemajuan yang ketara dalam memenuhi komitmen untuk mengukuhkan integrasi pasaran di bawah *Roadmap for Monetary and Financial Integration of ASEAN* di peringkat serantau. Menteri-Menteri Kewangan ASEAN telah menyatakan kesungguhan untuk mengambil langkah konkrit bagi merealisasikan sasaran ASEAN Economic Community (AEC) menjelang tahun 2015. Pencapaian paling ketara bagi tahun 2012 adalah bermulanya operasi ASEAN Infrastructure Fund Limited, sebuah entiti korporat yang ditubuhkan di Labuan untuk menyediakan pinjaman bagi projek infrastruktur.

Dalam usaha untuk meningkatkan pembangunan kapasiti dalam kalangan Negara Anggota ASEAN, program kedua *Municipal Finance Training Certification* (MFTC) di bawah ASEAN-World Bank Infrastructure Finance Network telah diadakan pada Jun 2012. Program MFTC ini direka untuk pegawai kerajaan tempatan, khususnya bagi memodenkan dasar belanjawan, melaksanakan prosedur dan perubahan institusi, dan mendapatkan kemahiran pengurusan kewangan baharu. Di bawah kerjasama kastam, Menteri-Menteri Kewangan ASEAN telah menandatangani Perjanjian Kastam ASEAN yang baharu pada Mac 2012 di Phnom Penh, Kemboja. Perjanjian tersebut akan meningkatkan fasilitasi perdagangan dalam AEC.

Pada Mei 2012, Mesyuarat Menteri Kewangan dan Gabenor Bank Pusat **ASEAN+3** (China, Jepun, dan ROK) bersetuju untuk memperkukuh rangka kerja *Chiang Mai Initiative Multilateralisation* (CMIM) yang merangkumi inisiatif untuk menggandakan saiz CMIM daripada USD120

bilion kepada USD240 bilion; meningkatkan syer pengaturan kewangan tidak berkaitan IMF kepada 30% pada tahun 2012; dan pengenalan fungsi pencegahan krisis yang dikenali sebagai *CMIM Precautionary Line*. Di samping itu, Mesyuarat juga bersetuju untuk mengukuhkan *Asian Bond Markets Initiative* (ABMI) dengan memperkenalkan *ABMI Roadmap+* yang baharu bagi membuahkan hasil ketara serta meluaskan skop perbincangan. ABMI terus berusaha menambah baik inisiatif sedia ada, seperti *Credit Guarantee Investment Facility*, mempromosikan bon Asia kepada pelabur institusi, pengantara penyelesaian serantau, dan program penerbitan bon bersama. Sementara itu, kumpulan-kumpulan kerja ABMI juga memulakan inisiatif baharu seperti memperluaskan akses kewangan kepada pengguna serta perusahaan kecil dan sederhana melalui transaksi bon rentas sempadan.

Asia-Pacific Economic Cooperation (APEC) terus menyediakan saluran untuk membincangkan isu kepentingan bersama dan inisiatif bina upaya dalam kalangan negara anggota. Mesyuarat Ke-19 Menteri Kewangan APEC yang diadakan pada Ogos 2012 di Moscow, Rusia telah membincangkan prospek ekonomi semasa dan cabaran dasar bagi rantau APEC dengan memberi tumpuan ke atas kemampanan fiskal sebagai faktor pertumbuhan ekonomi jangka panjang, langkah-langkah dasar kewangan untuk menangani kesan bencana alam; serta pendidikan dan celik kewangan, sebagai kesinambungan kepada inisiatif rangkuman kewangan yang telah bermula pada tahun 2011. Secara khususnya, Malaysia telah berkongsi pengalaman inisiatif rangkuman kewangan. Selain itu, Menteri-Menteri Kewangan APEC menyokong penubuhan *Asia-Pacific Financial Forum* (APFF) yang telah dicadangkan oleh APEC Business Advisory Council. APFF akan menjadi platform bagi kerjasama sektor awam-swasta untuk membantu rantau ini membangunkan pasaran yang kukuh, cekap, dan bersepadu serta melengkapkan pelbagai inisiatif serantau sedia ada.



ASEAN Infrastructure Fund – Memperkukuh Integrasi Serantau

Pembangunan infrastruktur di Association of Southeast Asian Nations (ASEAN) masih kurang di sebalik pertumbuhan ekonomi yang tinggi selama beberapa dekad. Pertumbuhan ekonomi yang pantas telah memberi tekanan kepada infrastruktur sedia ada, menegaskan keperluan untuk pembangunan infrastruktur yang lebih. Asian Development Bank (ADB) telah menganggarkan Negara Anggota ASEAN memerlukan lebih USD60 bilion setahun bagi membiayai keperluan infrastruktur dalam tempoh 2010 – 2020¹.

Pembangunan infrastruktur adalah kritikal dalam memacu pertumbuhan dan integrasi serantau ASEAN. Infrastruktur yang kukuh adalah prasyarat untuk menarik pelaburan, mengembangkan perdagangan antarabangsa, dan bagi merangsangkan lagi penggunaan domestik. Infrastruktur yang mencukupi juga adalah perlu bagi menyokong pertumbuhan ekonomi yang mampan dan menangani pembasmian kemiskinan di rantau ini. Tambahan pula, jurang pembangunan infrastruktur di kalangan Negara Anggota ASEAN perlu dirapatkan untuk mencapai pertumbuhan ekonomi serantau yang lebih terangkum.

Walaupun ASEAN menghadapi kekurangan infrastruktur yang ketara, rantau ini mempunyai simpanan yang tinggi. Mengambil kira situasi tersebut, Malaysia buat pertama kalinya telah mengemukakan cadangan untuk menggembelng simpanan ASEAN bagi pembangunan infrastruktur serantau pada Mesyuarat Ke-10 Menteri Kewangan ASEAN di Kemboja pada tahun 2006. Malaysia telah mempengerusikan beberapa siri Mesyuarat Pasukan Petugas Peringkat Tertinggi yang terdiri daripada Pegawai Kanan Kewangan ASEAN bagi meneroka rangka kerja dan mekanisme terbaik untuk menubuhkan *ASEAN Infrastructure Fund* (AIF). Pada dasarnya, AIF ialah sebuah kerjasama serantau dan inisiatif integrasi yang inovatif, yang menggalakkan penggunaan simpanan ASEAN bagi membiayai pembangunan infrastruktur.

Pada September 2011, sembilan Negara Anggota ASEAN dan ADB mencapai kata sepakat untuk memberi sumbangan ekuiti dalam tiga ansuran berjumlah USD485.2 juta. Daripada jumlah tersebut, Malaysia menyumbang sebanyak USD150 juta. Sumbangan ekuiti tersebut akan ditambah dengan modal hibrid selepas beroperasi empat hingga lima tahun. Setelah AIF menunjukkan prestasi yang baik, bon akan diterbitkan. Penerbitan bon ialah ciri penting dalam model perniagaan AIF yang direka bentuk bagi menggunakan rizab pertukaran asing rantau ini yang tinggi. Model tersebut juga mengekalkan kelayakan rizab berdasarkan kepada jangkaan penarafan kredit gred pelaburan yang tinggi dan mudah tunai yang mencukupi.

JADUAL 1

Sumbangan Ekuiti

Pemegang Saham	Ansuran Pertama (2012)	Ansuran Kedua (2013)	Ansuran Ketiga (2014)	Jumlah
USD juta				
Brunei Darussalam	3.4	3.3	3.3	10.0
Kemboja ¹	0.1	-	-	0.1
Indonesia	40.0	40.0	40.0	120.0
Lao PDR ¹	0.1	-	-	0.1
Malaysia	50.0	50.0	50.0	150.0
Filipina	5.0	5.0	5.0	15.0
Singapura	5.0	5.0	5.0	15.0
Thailand	5.0	5.0	5.0	15.0
Vietnam	3.4	3.3	3.3	10.0
ADB	50.0	50.0	50.0	150.0
JUMLAH BESAR				485.2

¹ Bayaran sekaligus.

¹ Asian Development Bank (ADB) – ADB Institute (ADBI), 2009, *Infrastructure for a Seamless Asia*, Manila.



Bagi membolehkan AIF beroperasi, ASEAN Infrastructure Fund Limited telah ditubuhkan pada 24 April 2012 di Labuan, Malaysia di bawah Akta Syarikat Labuan 1990. Tujuan utama syarikat tersebut adalah untuk menyediakan pinjaman kepada Negara Anggota ASEAN bagi membiayai projek infrastruktur dalam bidang pengangkutan, telekomunikasi dan kemudahan awam. Pada peringkat awal operasinya, AIF akan menumpukan kepada projek berdaulat sahaja termasuk Perkongsian Awam-Swasta.

Sejajar dengan perkembangan ini, peranan Malaysia sebagai pemimpin dan pengerusi bersama Lembaga Pengarah AIF dengan Indonesia mencerminkan komitmen negara dalam menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan integrasi serantau. Di samping menjadi pemegang saham terbesar bersama ADB, penubuhan AIF telah meningkatkan profil dan mengukuhkan reputasi Malaysia sebagai anggota ASEAN yang progresif dan proaktif.

Prospek 2013

Pertumbuhan kekal sederhana

Prospek ekonomi global dijangka kekal sederhana pada 2013 dengan unjuran pertumbuhan yang sedikit tinggi dan kadar pengangguran yang lebih rendah di kebanyakan rantau. Kawasan euro diunjur mencatat pertumbuhan antara -0.4% dan 1.4% (2012: -0.6% – -0.2%), dibantu oleh pelaksanaan langkah-langkah dasar yang diselaraskan untuk menyelesaikan hutang berdaulat dan krisis perbankan. Sementara itu, ekonomi Amerika Syarikat dijangka mengekalkan momentum pertumbuhan untuk mencatat perkembangan sederhana sebanyak 2.3% (2012: 2%). Walau bagaimanapun, ini bergantung kepada pembuat dasar untuk mengelak berlakunya *fiscal cliff* dan menangani isu siling hutang persekutuan bagi memulihkan kemampanan fiskal, serta mengurangkan risiko gangguan pasaran kewangan. Ekonomi Jepun diunjur terus berkembang, meskipun sederhana pada 1.5% (2012: 2.4%) memandangkan usaha pembinaan semula pasca gempa bumi semakin berkurangan.

Pertumbuhan di ekonomi membangun yang berkembang pesat dan ekonomi membangun

dijangka kekal kukuh pada 5.9% (2012: 5.6%) berikutan kelonggaran monetari dan langkah-langkah dasar fiskal. Negara-negara di rantau Asia, khususnya China, India dan Negara Anggota ASEAN akan terus menerajui pertumbuhan ekonomi global. Rantau ini dijangka akan mendapat manfaat daripada penggunaan domestik yang kukuh dan inisiatif yang telah dilaksanakan untuk mempercepat pelaburan, terutamanya projek infrastruktur.


Inflasi di ekonomi maju diunjur kekal lemah pada 1.6% (2012: 2%), dengan harga tenaga dan logam asas kekal mendatar. Walau bagaimanapun, peningkatan harga makanan dijangka mengekalkan inflasi pada kadar 5.6% (2012: 6.3%) di ekonomi membangun yang berkembang pesat dan ekonomi membangun. Perdagangan dunia diunjur meningkat 5.1% (2012: 3.8%) disumbang oleh peningkatan intra-perdagangan di ekonomi membangun yang berkembang pesat dan ekonomi membangun. Di sebalik perkembangan ini dan berdasarkan kepada *IMF WEO July 2012 Update*, ekonomi global dijangka berkembang 3.9% (2012: 3.5%). Walau bagaimanapun, untuk merealisasikan paras unjuran bagi tahun 2013 masih mencabar, memandangkan risiko ke bawah terhadap perdagangan dan pertumbuhan dunia terus meningkat.

Chiang Mai Initiative Multilateralisation – Memperkukuh Jaringan Keselamatan Kewangan Serantau

Chiang Mai Initiative Multilateralisation (CMIM) merupakan jaringan keselamatan kewangan serantau yang menjadi semakin penting dalam sistem kewangan global. Inisiatif ini dirangka bagi menyediakan pengatur sokongan mudah tunai jangka pendek untuk negara anggota ASEAN+3 semasa krisis kewangan. CMIM merupakan pengatur pengumpulan rizab yang mengurus sendiri oleh negara anggota serta ditadbir oleh satu perjanjian tunggal. Sebelum CMIM diwujudkan, pengatur sokongan mudah tunai jangka pendek di rantau ini adalah melalui rangkaian pengatur swap dua hala antara dua negara dalam tempoh masa yang dipersetujui.

CARTA 1

Jaringan Keselamatan Kewangan Global



Sumber: Mesyuarat ASEAN+3 dan kertas IMF.

Perjanjian CMIM telah ditandatangani pada 24 Disember 2009 dan berkuatkuasa pada 24 Mac 2010. Pada masa penubuhannya, rangka kerja CMIM menetapkan rizab terkumpul berjumlah USD120 bilion dengan 80% disumbangkan oleh negara Campur Tiga (China, Jepun dan ROK) dan 20% oleh negara ASEAN. Berdasarkan nisbah ini, negara ASEAN telah komited untuk menyumbang USD24 bilion, dengan Malaysia menyumbang USD4.6 bilion.

Penubuhan CMIM saling melengkapi pengatur kewangan sedia ada di bawah International Monetary Fund (IMF). CMIM mempunyai peruntukan bagi syer pengatur kewangan berkaitan IMF (*IMF linked portion*) dan yang tidak berkaitan dengan IMF (*IMF de-linked portion*). Syer IMF *de-linked* kini ditetapkan pada 20% daripada pengeluaran maksimum yang membenarkan pembayaran segera ketika negara menghadapi masalah mudah tunai jangka pendek. Baki 80% hanya akan diberikan setelah negara tersebut menyertai program IMF (*IMF linked portion*).

Bagi membantu CMIM Executive Level Decision Making Body (ELDMB)¹ menentukan kelayakan negara anggota mengakses kemudahan CMIM, ASEAN+3 Macroeconomic Research Office (AMRO) Limited telah ditubuhkan di Singapura pada April 2011. AMRO bertanggungjawab untuk memantau keadaan makroekonomi dan kewangan serta mengenal pasti kemudahhejasan yang wujud di negara rantau ASEAN+3.

¹ ELDMB terdiri daripada ASEAN+3 Finance and Central Bank Deputies.



Mengambil kira persekitaran ekonomi global yang masih tidak menentu, Mesyuarat Ke-15 Menteri Kewangan dan Gabenor Bank Pusat ASEAN+3 yang diadakan pada 3 Mei 2012 di Manila bersetuju untuk mengukuhkan lagi CMIM dengan:

- i. menggandakan saiz rizab terkumpul daripada USD120 bilion kepada USD240 bilion;
- ii. meningkatkan syer IMF *de-linked* kepada 30% pada tahun 2012 dengan hasrat untuk menaikkannya kepada 40% pada tahun 2014, tertakluk kepada kajian semula, sekiranya perlu;
- iii. memanjangkan tempoh matang dan tempoh bantuan kewangan untuk IMF *de-linked* dari 90 hari ke 6 bulan dan satu tahun ke dua tahun; dan untuk IMF *linked* dari 90 hari ke satu tahun dan dari dua tahun ke tiga tahun; dan
- iv. memperkenalkan kemudahan pencegahan krisis yang dipanggil “CMIM Precautionary Line (CMIM-PL)”.

CMIM-PL telah dirangka berdasarkan kepada program IMF yang baharu iaitu IMF *Flexible Credit Line* (FCL) dan IMF *Precautionary Credit Line* (PCL). Kemudahan-kemudahan ini adalah mengambil kira kesedaran peningkatan kepentingan untuk mengadakan langkah berwaspada bagi mengurangkan impak penularan krisis kewangan secara global dalam tempoh masa yang singkat. CMIM-PL akan dilaksanakan secara fleksibel dengan menggunakan lima kriteria kelayakan, iaitu kedudukan luaran dan akses pasaran; dasar fiskal; dasar monetari; pengawasan dan kekukuhan sektor kewangan; dan data yang lengkap. Di samping itu, sesebuah negara akan dinilai oleh ELDMB selepas mempertimbangkan laporan ekonomi negara tersebut serta analisis oleh AMRO.

CMIM dijangka terus menambah baik operasinya dengan mengambil iktibar pengalaman daripada rantau lain yang dilanda krisis seperti kawasan euro. Oleh yang demikian, CMIM mempunyai pilihan untuk meningkatkan lagi rizab terkumpulnya serta menaikkan syer IMF *de-linked*, selaras dengan peranan dan keupayaan AMRO yang semakin meningkat sebagai unit pemantauan serantau. Bagi memperkukuh keupayaan dan kemampuan AMRO, usaha berterusan telah diambil oleh negara anggota termasuk inisiatif untuk menjadikan AMRO sebagai sebuah organisasi antarabangsa.

CMIM telah menjadi satu pengaturan kewangan yang komprehensif dengan menyediakan fungsi penyelesaian dan pencegahan krisis serta pemantauan makroekonomi yang diperlukan untuk mengatasi dan mencegah krisis kewangan pada masa hadapan. CMIM dijangka memenuhi objektifnya dalam meningkatkan kestabilan kewangan dan keyakinan pasaran serta menarik lebih banyak pelaburan di rantau ini.

Sumber: Laporan Ekonomi 2007/2008 “Kerjasama Serantau di Asia Timur: *Chiang Mai Initiative*”; and www.amro-asia.org.